



H.B. Fuller

TATALAKU PERNIAGAAN

Untuk melihat Tatalaku Perniagaan H.B. Fuller Company dalam bahasa Jerman, Perancis, Sepanyol, Jepun, Cina, Itali atau Portugis, sila layari HBF Click (laman Intranet) di bawah Kumpulan Undang-undang, "Etika dan Pematuhan" (Law Group, "Ethics and Compliance").

Para pekerja yang dihormati:

Kita di H.B. Fuller Company berbangga dapat mengekalkan piawai kelakuan beretika yang tinggi dan mematuhi pelbagai undang-undang dan peraturan yang mengawal perniagaan kita. Kita berusaha untuk menjalankan perniagaan dalam cara yang boleh menaikkan nama baik kita sebagai sebuah syarikat dan individu yang bekerja dengannya.

Penerusan tradisi ini bergantung kepada tindakan jujur anda yang memikirkan setiap perkara secara teliti pada setiap masa. Saya merujuk kepada prinsip peribadi dan pertimbangan profesional anda serta kepatuhan anda kepada semua dasar syarikat. Ringkasnya, tiada sesiapa pun antara kita yang patut mengorbankan integriti kita pada bila-bila masa jua untuk mencapai sebarang matlamat perniagaan.

Piawai etika kita yang tinggi dan pematuhan yang berterusan kepada semua undang-undang menjadi penentu kepada semua operasi kita. Elemen-elemen ini menjadi panduan kepada hubungan kita pada masa ini dan akan datang dengan pelanggan, pekerja, pemegang saham dan masyarakat, serta menyumbang kepada kejayaan syarikat yang berterusan.

Tatalaku Perniagaan ini menerangkan prinsip kita, meringkaskan dasar "teras" kita dan memberi kita bantuan tambahan ketika membuat keputusan tentang etika. Saya tahu yang saya boleh mengharapkan anda untuk membaca Tata tersebut dan meminta sebarang nasihat yang mungkin diperlukan, baik sekarang mahupun pada masa akan datang.

James J. Owens
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Cara Tatalaku Perniagaan diatur:

Tempat untuk Dituju Jika Ada Pertanyaan atau Masalah	4
Membuat Keputusan Etika	5
Hubungan Perniagaan H.B. Fuller Dengan Pelanggan:	
Persaingan Adil dan Maklumat Persaingan.....	6
Dengan Pekerja	
Layanan Adil dan Pekerjaan Saksama	7
Dadah dan Alkohol	7
Dengan Pemegang Saham:	
Maklumat Sulit.....	8
Rekod Perniagaan dan Komunikasi yang Lengkap dan Tepat	8
Memelihara Aset Syarikat.....	8
Dengan Masyarakat:	
Hal-ehwal Masyarakat	9
Keprihatinan tentang Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan.....	9
Amalan Perniagaan H.B. Fuller	
Hadiah dan Hiburan	10
Konflik Kepentingan.....	10
Peluang Korporat	10
Perdagangan Sekuriti Syarikat	11
Hak Cipta dan Perisian	11
Pematuhan H.B. Fuller kepada Undang-Undang dan Peraturan	
Undang-undang Antitrust.....	12
Amalan Rasuah	13
Perdagangan Antarabangsa.....	14

Tata ini Penting kerana:

Setiap orang yang bekerja untuk H.B. Fuller, termasuklah pengarah, pegawai dan pekerjanya, bertanggungjawab untuk menggalakkan:

- Kelakuan yang jujur dan beretika, termasuklah menangani konflik kepentingan yang sebenar atau ketara antara hubungan peribadi dengan profesional secara beretika;
- Pendedahan secara sepenuhnya, jujur, tepat pada masanya dan boleh difahami bagi laporan dan dokumen yang difailkan atau diserahkan oleh H.B. Fuller kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S. dan bagi komunikasi awam lain yang dibuat oleh syarikat.
- Pematuhan kepada semua undang-undang, kaedah dan peraturan kerajaan yang berkenaan;
- Pelaporan yang cepat kepada pihak dalaman jika terdapat pelanggaran, atau jika disyaki terdapat pelanggaran Tata ini; dan
- Kebertanggungjawaban terhadap pematuhan Tatalaku Perniagaan H.B. Fuller.

Tatalaku Perniagaan ini menyenaraikan piawai umum yang dibuat oleh pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah H.B. Fuller untuk menentukan tindak-tanduk urusan syarikat di seluruh dunia. Dasar Teras yang terperinci juga telah diterima pakai bagi memastikan pematuhan kepada tujuan piawai umum yang dijelaskan dalam Tata ini, dan dasar-dasar lain boleh diterima pakai apabila perlu oleh unit perniagaan, pihak pengurusan geografi dan kumpulan berfungsi syarikat. Dasar Teras tersebut diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Perniagaan dan Pematuhan serta disebut dalam dokumen ini. Anda boleh melihat Dasar Teras ini di laman web Intranet kita, HBF "Click", di bawah Etika dan Pematuhan (Ethics and Compliance).

Pelanggaran undang-undang, Tata ini, atau Dasar Teras boleh mengakibatkan tindakan disiplin oleh Syarikat, sehingga dan termasuklah menyebabkan penamatan perkhidmatan anda, serta liabiliti sivil dan jenayah individu. Di samping itu, anda hendaklah melaporkan semua pelanggaran yang diketahui atau disyaki kepada pihak pengurusan yang berkenaan supaya penyiasatan dan tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Apakah Tata ini?

Tata ini bertujuan sebagai dokumen hidup dan alat rujukan; oleh itu, ia tertakluk kepada perubahan. Ia meringkaskan amalan kita dan pematuhan kita kepada undang-undang tertentu, serta menjadi panduan ketika membuat keputusan sukar yang perlu ditempuh setiap hari. Tata ini boleh dianggap sebagai titik permulaan bagi menggalakkan dialog tentang isu-isu sukar tersebut.

Tata ini terpakai kepada:

Tata ini adalah untuk kita semua iaitu: pekerja, pengarah, pegawai dan sesiapa yang mungkin mewakili H.B. Fuller atau bertindak bagi pihak kita. Pada setiap tahun, kita akan meminta pekerja, pengarah, pegawai dan wakil tertentu untuk mengesahkan pemahaman dan pematuhan mereka kepada Tata ini.

Tata ini berguna kepada:

H.B. Fuller beroperasi dalam pelbagai persekitaran hubungan dan berkhidmat untuk lingkungan komuniti yang berlainan dengan kepentingan yang serupa. Lingkungan komuniti kita terdiri daripada pelanggan, pekerja, pemegang saham dan masyarakat sekitar. Oleh kerana setiap hubungan mempunyai isu, keperluan dan tanggungjawab yang berlainan, amalan perniagaan keseluruhan kita hendaklah mengambil kira lingkungan komuniti tersebut.

Tempat untuk dituju jika ada pertanyaan atau masalah:

Jika anda mempunyai sebarang persoalan tentang Tata ini atau cara menjalankan perniagaan beretika di H.B. Fuller, kami komited untuk menyediakan jawapan dengan cara yang cekap dan berkesan.

Kebimbangan boleh merangkumi, tetapi tidak terhad kepada:

- Penjelasan tentang dasar tertentu.
- Soalan tentang perkara yang patut dilakukan dalam situasi etika tertentu atau berkaitan dengan undang-undang tertentu,
- Kebimbangan atau ingin melaporkan tentang kemungkinan pelanggaran undang-undang atau dasar.

Pendekatan pintu terbuka yang diamalkan oleh H.B. Fuller membolehkan anda berhubung dengan peringkat pengurusan yang berturutan bila-bila saja diperlukan.

Anda boleh:

- Mengajukan kebimbangan anda kepada Penyelia atau Pengurus anda,
- Membincangkannya dengan Jabatan Sumber Manusia,
- Berunding dengan Jabatan Undang-undang,
- Menghubungi atau menghantarkan e-mel kepada HBF Path, talian penting untuk pelaporan etika di luar Syarikat, iaitu 1-877-HBF-PATH (1-877-423-7284) di Amerika Syarikat dan Kanada* atau melalui laman web di hbfpethicspoint.com, dan/atau
- Menghantar surat kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah di Pejabat Setiausaha Korporat iaitu: Chair of the Audit Committee of the Board of Directors, c/o the Office of the Corporate Secretary, P.O. Box 64683, St. Paul, Minnesota 55164-0683, USA.

Tidak kira saluran mana pun yang anda gunakan:

- Tahap kerahsiaan yang sewajarnya akan dijaga pada setiap peringkat proses tersebut.
- Jika mahu, kebimbangan anda akan dikendalikan tanpa mendedahkan nama anda.
- Tidak akan berlaku sebarang tindakan balas kerana menyuarakan kebimbangan atau membuat laporan dengan niat baik tentang pelanggaran yang diketahui atau disyaki.

*Sila rujuk hbfpethicspoint.com atau hubungi Sumber Manusia untuk maklumat telefon di luar Amerika Syarikat dan Kanada.

Memilih Jalan yang Betul: ujian ringkas apabila membuat keputusan etika

Kadang kala keputusan yang betul itu sukar dibuat. Soalan berikut boleh membantu anda untuk membuat keputusan dalam hal-hal yang tidak jelas.

Adakah tindakan itu sah di sisi undang-undang? JIKA YA...

Adakah tindakan itu diterima di kawasan ini sebagai kebiasaan atau amalan yang sah? JIKA YA...

Adakah ia selaras dengan dasar korporat? JIKA YA...

Bolehkah anda mempertahankan keputusan anda dalam berita perdana atau kepada keluarga anda? JIKA YA...

Adakah tindakan itu melindungi reputasi H.B. Fuller sebagai syarikat yang beretika?

Jika anda menjawab “tidak” kepada mana-mana soalan ini, anda hendaklah mendapatkan bimbingan lanjut. Jika terdapat sebarang kemusykilan, berbincanglah dengan Penyelia anda, kakitangan Jabatan Sumber Manusia, atau Jabatan Undang-undang.

Hubungan Perniagaan H.B. Fuller . . . Dengan Pelanggan

H.B. Fuller Company tidak dapat wujud tanpa pelanggannya. Pelanggan mengharap kita untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti; kita bertanggungjawab untuk menumpukan usaha bagi memenuhi keperluan mereka.

Persaingan Adil

Kita sentiasa memasarkan produk kita secara adil dan jujur berdasarkan "merit"nya (cth. kualiti, harga dan perkhidmatan). Tiada satupun produk yang patut dilabelkan atau dipasarkan secara yang boleh menyebabkan kekeliruan tentang sumber, kandungan atau prestasinya. Elakkan daripada membuat komen palsu atau memburukkan produk pesaing atau pekerja mereka. Jika terlibat dalam perbandingan, pengiklanan atau pemasaran produk, pastikan dakwaan yang dibuat adalah wajar dan boleh disokong oleh dokumen berkenaan.

Jika anda rasa ada pesaing yang memperdaya bakal pelanggan tentang produknya, anda hendaklah menghubungi pihak pengurusan H.B. Fuller Company atau Jabatan Undang-undang.

[ruj. Dasar Persaingan Adil dan Maklumat Persaingan]

Hubungan Perniagaan H.B. Fuller . . . Dengan Pesaing

Adalah wajar untuk kita mengumpulkan maklumat tentang pasaran perniagaan kita, termasuk maklumat tentang pesaing dan produk atau perkhidmatannya. Semasa mengumpulkan maklumat ini, kita hendaklah mematuhi undang-undang yang berkenaan. Namun, bagi mengelakkan perjanjian dan persefahaman yang kelihatan tidak wajar dengan pesaing kita, kita patut mengelak daripada meminta dan menerima maklumat secara langsung daripada mereka.

Kita mengumpulkan maklumat tentang pesaing daripada sumber-sumber lain, seperti artikel yang disiarkan, iklan, risalah yang diedarkan kepada orang ramai, tinjauan oleh perunding, bahan bukan hak milik yang lain, serta perbualan dengan pelanggan dan pembekal.

Semasa mengumpulkan maklumat ini, prinsip-prinsip berikut diguna pakai:

- Kita akan menerima maklumat persaingan hanya jika terdapat kepercayaan munasabah bahawa penerimaan dan penggunaan maklumat itu adalah sah di sisi undang-undang.
- Maklumat yang dikumpulkan atau digunakan bukan maklumat sulit atau hak milik pesaing kita.
- Kita tidak seharusnya memberikan gambaran salah tentang identiti kita semasa cuba mengumpulkan maklumat ini; begitu juga dengan ejen kita yang tidak seharusnya menyalahgambarkan diri mereka ketika mengumpulkan maklumat untuk kita.

Sebarang pertanyaan tentang penggunaan maklumat persaingan hendaklah diajukan kepada Jabatan Undang-undang.

Q *Dalam situasi yang bersifat persaingan, apakah yang patut saya tekankan atau gambarkan tentang produk berbeza yang ada?*

A Adalah penting untuk memberi pelanggan maklumat yang diperlukan tentang produk yang kita jual. Kita menjual produk kita berdasarkan meritnya. Jangan membuat komen yang memperkecilkan pesaing atau produk mereka. Biarlah maklumat tersebut jelas dengan sendirinya.

Q *Sepanjang beberapa tahun ini, kita telah menggaji profesional jualan dan makmal yang pernah bekerja dengan pesaing kita, yang terbaru setahun lepas dan paling lama sedekad lalu. Dalam beberapa mesyuarat kakitangan makmal dan jualan, kemampuan pesaing ada dibincangkan. Sejauh manakah pekerja kita boleh mengulas kemampuan tersebut secara umum?*

A Isu pokoknya adalah sama ada seseorang pekerja H.B. Fuller berasa wajib untuk berkongsi maklumat yang diketahui sulit tentang majikan terdahulu. Pekerja yang baru diambil bekerja mungkin terdorong untuk membocorkan rahsia bagi membuktikan keupayaannya kepada kita. Menjadi tanggungjawab beretika pengurus untuk tidak mengenakan tekanan yang berlebihan dalam situasi ini dan untuk mengingatkan pekerja agar tidak membuka rahsia yang telah dipersetujui dengan majikan lama.

Q *Kami telah menemui sebuah syarikat perisikan saingan yang mengkhusus dalam industri kita. Kami ingin mengekalkan syarikat ini. Namun, kami ingin memastikan bukan sahaja kami melindungi sepenuhnya kepentingan H.B. Fuller, tetapi juga menunjukkan kelakuan yang beretika dan sah di sisi undang-undang. Apakah langkah-langkah yang patut kami lakukan bagi memastikan isu etika dan undang-undang dipertimbangkan dalam situasi ini?*

A Kajian perniagaan yang dijalankan oleh syarikat, sama ada dilakukan oleh pekerja sendiri atau dengan mengupah syarikat yang mengkhusus dalam bidang kajian pasaran, merupakan amalan perniagaan yang lazim. Namun, pastikan terlebih dahulu bahawa syarikat tersebut bereputasi baik, dan bahawa ia memahami dan berjanji untuk mematuhi Tatalaku Perniagaan kita. Kemudian, hubungi Jabatan Undang-undang untuk meneliti kontrak atau memberi anda kontrak perunding yang biasa.

Hubungan Perniagaan H.B. Fuller. . . Dengan Pekerja

Setiap pekerja berharap untuk menerima layanan yang jujur dan penuh rasa hormat. Syarikat tidak boleh terus berjaya melainkan jika maruah setiap individu dan privasi setiap pekerja dijaga. Syarikat komited untuk menyediakan persekitaran profesional yang positif-- itulah yang diharapkan dan berhak diterima oleh semua pekerja.

Layanan Adil dan Pekerjaan Saksama

H.B. Fuller komited untuk menyediakan persekitaran yang bebas daripada gangguan dan diskriminasi yang tidak adil. Diskriminasi berdasarkan bangsa, warna kulit, jantina, agama, umur, taraf perkahwinan, orientasi seksual, ketidakupayaan, negara asal atau status veteran dilarang ketat oleh undang-undang serta dasar syarikat. Kita tidak akan bertoleransi terhadap sebarang bentuk gangguan--lisan, fizikal, bertulis atau lain-lain--yang mungkin mewujudkan suasana yang menakutkan, menyakitkan hati atau penuh rasa bermusuhan. Akhir sekali, dasar kita adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan saksama kepada pemohon dan majikan, selaras dengan semua undang-undang negeri dan persekutuan yang berkenaan.

[ruj. Dasar Teras: Layanan Adil; Dasar Diskriminasi & Gangguan H.B. Fuller]

Dadah dan Alkohol

Menjadi dasar kita untuk memastikan tempat kerja kita bebas daripada alkohol dan dadah. Pekerja tidak boleh menggunakan alkohol atau dadah, selain daripada dadah yang dipreskripsikan sebagai ubat, pada hari bekerja, kecuali pengambilan alkohol yang berpatutan dibenarkan dalam acara anjuran Syarikat setelah mendapat kebenaran pihak pengurusan. Penggunaan dadah haram benar-benar dilarang. Anda hendaklah memaklumkan kepada penyelia tentang sebarang dadah terkawal yang digunakan jika ia boleh menjejaskan keupayaan anda untuk melakukan kerja dengan selamat.

[ruj. Dasar Teras: Dadah dan Alkohol; Dasar Dadah dan Alkohol H.B. Fuller]

Q *Pengurus saya telah beberapa kali meminta untuk berjumpa dan beramah mesra dengan saya selepas waktu pejabat. Saya menolak setiap kali, tetapi masih lagi menerima ajakan. Apakah yang perlu saya lakukan?*

A Anda telah bertindak sewajarnya dengan menolak ajakan yang tidak diingini itu. Kini anda perlu segera menghubungi Pengurus Jabatan anda atau pihak Sumber Manusia.

Q *Saya telah beberapa kali berbincang dengan penyelia saya tentang tindakannya yang menjerit-jerit atau mengherdik saya di pejabatnya dan di hadapan rakan sekerja. Bukan saya seorang sahaja yang rasa diperkecil-kecilkan. Apakah yang perlu saya lakukan?*

A Tiada seorang pekerja pun yang patut dipaksa untuk bekerja dalam suasana tertekan. Hubungi Pengurus Jabatan anda atau pihak Sumber Manusia.

Q *Bolehkah saya minum arak sebelum syif saya?--Saya tidak berada dalam premis syarikat...*

A Tidak. Anda perlu bebas daripada alkohol dan dadah (kecuali ubat preskripsi) semasa bekerja.

Hubungan Perniagaan H.B. Fuller... ...Dengan Pemegang Saham

Syarikat komited untuk memberikan nilai kepada pemegang sahamnya dan komuniti kewangan. Pemegang saham kita telah membuktikan keyakinannya kepada Syarikat dengan melabur dalam perniagaan kita, dan kita bertanggungjawab untuk mengekalkan kepercayaan mereka dengan meningkatkan dan melindungi aset kita .

Maklumat Sulit

Pendedahan maklumat sulit Syarikat (termasuk maklumat sulit syarikat lain yang perlu dilindungi oleh Syarikat) kepada sesiapa yang bukan pekerja Syarikat ini dibenarkan hanya menurut perjanjian pendedahan rahsia berkenaan yang disediakan oleh Jabatan Undang-undang. Maklumat sulit hendaklah dibincangkan dengan pekerja Syarikat yang lain jika perlu diketahui sahaja. Maklumat sulit patut digunakan hanya untuk memberikan manfaat kepada Syarikat dan mesti dilabelkan dengan betul. Anda hendaklah berusaha untuk mengelakkan daripada tanggapan bahawa anda menggunakan maklumat sulit untuk faedah anda sendiri.

Anda tidak sepatutnya mendedahkan, atau menggunakan dalam tugas anda di Syarikat, maklumat yang mungkin wajar dianggap maklumat sulit daripada majikan terdahulu.

[*ruj. Dasar Teras: Maklumat Sulit; Dasar Pelabelan Maklumat Sulit*]

Rekod Perniagaan dan Komunikasi yang Lengkap dan Tepat

Anda tidak boleh sekali-kali memasukkan maklumat yang tidak benar atau palsu dalam buku atau rekod Syarikat, menubuhkan sebarang dana rahsia atau tanpa rekod daripada duit Syarikat, atau menggunakan sebarang aset Syarikat untuk tujuan rahsia.

[*ruj. Dasar Teras: Rekod Perniagaan dan Komunikasi yang Lengkap dan Tepat*]

Memelihara Aset Syarikat

Melindungi aset Syarikat daripada hilang, rosak dan dicuri merupakan tanggungjawab setiap pekerja. Aset Syarikat merangkumi bekalan, peralatan, bahan, inventori, teknologi dan maklumat sulit. Aset tersebut kepunyaan Syarikat dan hendaklah digunakan untuk urusan Syarikat semata-mata. Anda tidak boleh menggunakan, memberikan, menjual atau menukar aset tanpa keizinan yang sewajarnya. [*ruj. Dasar Teras: Melindungi Aset Syarikat/Penyalahgunaan Aset Syarikat*]

Q *Bagaimanakah untuk mengetahui sama ada maklumat Syarikat itu sulit atau tidak?*

A Anda perlu mengandaikan bahawa semua maklumat Syarikat yang tidak disebarikan oleh pihak pengurusan kepada orang ramai adalah maklumat sulit. Maklumat sulit mungkin merangkumi data teknikal, kewangan dan pemasaran. Maklumat tidak sulit ialah maklumat yang telah disebarikan kepada orang awam tanpa batasan.

Q *Bagaimanakah Syarikat mencegah kebocoran maklumat sulit?*

A Semua pekerja perlu menandatangani perjanjian kerahsiaan dan membataskan akses kepada maklumat sulit hanya untuk pekerja yang perlu mengetahui maklumat ini. Maklumat sulit hendaklah dikenal pasti sedemikian secara melabelkannya dengan betul menurut Dasar Pelabelan Maklumat Sulit kita. Anda perlu lebih berhati-hati ketika bercakap di telefon atau menghantar e-mel kepada orang luar.

Q *Bolehkah saya berkongsi maklumat sulit syarikat dengan majikan baharu saya atau orang lain jika saya berhenti dari H.B. Fuller?*

A Tidak. Kewajipan anda untuk melindungi rahsia perdagangan, maklumat persaingan dan maklumat sulit lain tidak terhenti setakat perkhidmatan anda dengan Syarikat. Syarikat memandang serius pelanggaran kerahsiaan dan akan mengambil tindakan undang-undang untuk melindungi maklumat sulit, walaupun pelanggaran tersebut berlaku bertahun-tahun lamanya selepas seseorang pekerja meninggalkan Syarikat.

Q *Saya tidak bekerja di jabatan perakaunan, perbendaharaan, kewangan atau di makmal. Bagaimanakah dasar rekod tepat melibatkan saya?*

A Sungguhpun anda tidak bekerja untuk sebarang tugas tersebut, maklumat yang biasa anda lihat semasa bekerja, seperti laporan perbelanjaan dan surat-menyurat, merupakan rekod Syarikat. Dalam kes paling teruk, gambaran yang salah dan pernyataan yang tidak tepat tentang keselamatan produk dalam sesetengah surat boleh mengakibatkan kecederaan kepada pelanggan.

Q *Jabatan kita mempunyai komputer lebih. Bolehkah saya menggunakannya di rumah untuk projek peribadi?*

A Komputer tersebut ialah aset Syarikat dan hendaklah digunakan untuk urusan Syarikat sahaja, kecuali jika anda telah mendapat kebenaran daripada penyelia anda untuk

menggunakan komputer itu di rumah untuk projek peribadi. Jika anda mendapat izin untuk menggunakan komputer Syarikat bagi tujuan peribadi, pastikan anda tidak memasang perisian pinjaman atau salinan.

Hubungan Perniagaan H.B. Fuller... Dengan Masyarakat

Kita perlukan masyarakat yang sihat dan produktif untuk mengekalkan perkembangan kita; masyarakat memerlukan warga korporat yang bertanggungjawab untuk membina kemajuan dan mencapai kemakmuran.

Hal-ehwal Masyarakat

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, pekerja kita komited untuk mengamalkan tingkah laku sosial yang bertanggungjawab.

Jabatan Hal-Ehwal Masyarakat dan ahli Majlis Hal-Ehwal Masyarakat kita aktif di seluruh dunia. Selain daripada sumbangan kewangan kepada masyarakat melalui Yayasan H.B. Fuller, Syarikat menggalakkan pekerja untuk berkongsi bakat mereka dengan organisasi yang berusaha memenuhi keperluan masyarakat. Contohnya, Program Penglibatan HBF membenarkan penyelia memberikan masa kepada pekerja untuk melakukan khidmat sukarela dalam waktu pejabat.

Keperihatinan tentang Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan

Kita menghormati alam sekitar dan berusaha untuk melindungi perairan, daratan dan udara. Anda hendaklah membantu usaha kita, dan mengambil perhatian tentang undang-undang alam sekitar, kesihatan dan keselamatan yang berkenaan, serta kehendak pelaporan. Jangan lakukan aktiviti yang anda rasakan tidak selamat. Sebaliknya, anda hendaklah segera memaklumkan penyelia anda. Semua pengurus dan penyelia bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan dasar dalam bidang kuasa mereka.

[ruj. Dasar Teras: Undang-undang dan Peraturan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan]

Q *Penyelia saya menolak permintaan saya untuk menggunakan Program Penglibatan HBF bagi menjadi sukarelawan di sekolah anak saya. Setahu saya, Syarikat menggalakkan khidmat sukarela.*

A Jika anda memberikan notis awal secukupnya dan butiran kegiatan sukarela tersebut kepada penyelia anda supaya beliau dapat membuat keputusan berdasarkan garis panduan program, penyelia anda pasti berusaha sedaya upaya untuk menguruskan permintaan anda. Syarikat menggalakkan semua pekerja terlibat dalam kegiatan sukarela, tetapi keputusan akhir terletak di tangan penyelia anda. Penyelia anda perlu mengimbangkan permintaan anda untuk kerja sukarela dengan keperluan kerja anda.

Q *Jika saya tertumpah sedikit pelarut yang dilabelkan sebagai berbahaya, mengapakah saya tidak boleh membersihkannya?*

A Kecuali jika anda dilatih dalam pembuangan sisa berbahaya, laporkannya kepada penyelaras alam sekitar anda. Penyelaras alam sekitar dilatih untuk menangani tumpahan bahan kimia berbahaya dengan cara yang betul, dan melaporkannya kepada penguasa peraturan yang berkenaan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

Q *Saya bekerja di dalam bangunan pejabat. Apakah kewajipan saya terhadap keselamatan?*

A Kita semua bertanggungjawab atas keselamatan dan perlu mengelakkan sebarang keadaan tidak selamat yang mungkin wujud di tempat kerja kita, termasuklah mengekalkan kawasan kerja yang selamat. Walaupun anda tidak bekerja di unit perkilangan, anda perlu mengetahui tatacara keselamatan di bangunan anda, tempat untuk dituju sekiranya berlaku kebakaran atau kecemasan akibat cuaca teruk, dan anda perlu mengambil bahagian dalam latihan kecemasan. Kebolehan untuk mencari dan menggunakan pintu keluar kecemasan, alat pertolongan cemas dan pemadam api mungkin mustahak untuk anda dan keselamatan rakan sekerja anda.

Amalan Perniagaan H.B. Fuller

Hadiah dan Hiburan

Anda tidak boleh menerima atau memberikan atau menawarkan sebarang hadiah atau hiburan (kecuali hadiah dan hiburan yang nominal dan lazim) tanpa pertimbangan dan keizinan sewajarnya daripada pihak pengurusan. Hadiah wang tunai tidak boleh sekali-kali ditawarkan, diberikan atau diterima. Larangan ini diguna pakai sama ada anda bertindak secara langsung atau dengan bantuan orang lain (cth., pembekal, perunding, organisasi perdagangan, pekerja lain). Larangan ini sah digunakan terutamanya apabila hadiah atau hiburan akan, atau bermaksud untuk:

- ❑ menyebabkan pelanggaran tugas atau salah laku, atau
- ❑ mempengaruhi mana-mana pekerja politik atau kerajaan semasa menjalankan tanggungjawabnya.

[ruj. *Dasar Teras: Hadiah dan Hiburan; dan Amalan Rasuah*]

Konflik Kepentingan

Jangan melibatkan diri dalam kelakuan peribadi yang mungkin bertentangan dengan kepentingan Syarikat atau pelanggannya. Isu yang boleh menyebabkan konflik merangkumi: hadiah dan hiburan, pelaburan peribadi atau pekerjaan di luar, terutamanya dengan syarikat yang mungkin menjual produk kepada, membeli produk daripada, atau bersaing dengan Syarikat. Jika ada ahli keluarga atau orang yang mempunyai hubungan peribadi menerima faedah yang tidak sepatutnya diperolehi, kerana kerja atau jawatan seseorang dengan Syarikat, ia mewujudkan konflik kepentingan.

Anda patut berusaha untuk mengelakkan tanggapan wujudnya konflik; amat penting untuk mengekalkan kepercayaan antara pekerja, pelanggan dan bakal pelanggan. Menjadi tanggungjawab anda untuk berbincang dengan penyelia anda atau pihak pengurusan sebelum melibatkan diri dalam sebarang kegiatan yang mungkin dilihat sebagai menimbulkan konflik.

[ruj. *Dasar Teras: Konflik Kepentingan*]

Peluang Korporat

Semua pekerja dan pengarah dilarang daripada:

- ❑ Merebut peluang yang didapati melalui penggunaan harta, maklumat atau kedudukan korporat untuk diri sendiri;
- ❑ Menggunakan harta, maklumat atau kedudukan korporat untuk keuntungan peribadi; atau
- ❑ Bersaing dengan Syarikat

Pekerja dan pengarah perlu mendahulukan kepentingan sah Syarikat apabila berpeluang untuk berbuat demikian.

Q *Apakah itu hadiah nominal dan lazim?*

A Mengikut takrif, nominal menandakan sesuatu yang kecil nilainya. Hadiah nominal biasanya ialah barangan seperti sagu hati – tanda penghargaan yang diberikan kepada anda atau daripada anda dengan logo syarikat di atasnya, seperti kemeja T, topi atau aksesori meja. Makanan dan minuman juga boleh diterima. Jika ada sebarang soalan tentang sama ada hadiah itu nominal atau tidak, sila dapatkan nasihat pengurus anda.

Q *Saya kerap juga mengembara ke luar negara. Di sesetengah negara, pemberian hadiah merupakan satu kelaziman. Adakah ia bertentangan dengan dasar kita?*

A Tidak. Hadiah bukan tunai dibenarkan jika ia suatu kelaziman dan sah di negara tersebut. Dasar kita mengatakan bahawa hadiah nominal dibolehkan -- hadiah mewah tidak dibenarkan langsung. Jika anda bercadang untuk memberikan hadiah, ia hendaklah dilaporkan dan laporan perbelanjaan hendaklah dilengkapkan. Begitu juga dengan hadiah yang diterima oleh anda atau ahli keluarga hendaklah dilaporkan kepada penyelia anda.

Q *Abang ipar saya bekerja untuk salah seorang pesaing kita. Apakah garis panduan untuk hubungan ini?*

A Tiada salahnya jika ada ahli keluarga (atau saudara lain) bekerja dengan syarikat atau pembekal yang bersaing dengan kita. Namun, anda hendaklah peka kepada sebarang konflik kepentingan dan memaklumkan sebarang kebimbangan kepada penyelia anda atau pihak pengurusan.

Q *Sepupu saya menjual bahan mentah kepada H.B. Fuller. Apakah ada konflik dalam hubungan ini?*

A Jika anda berada pada kedudukan yang akan mempengaruhi pembelian akan datang daripada sepupu anda, anda hendaklah menghubungi penyelia anda tentang konflik ini. Walaupun Syarikat berkenan dengan harga barangan sepupu anda, dasar konflik kepentingan memerlukan anda mengelakkan situasi yang tampak bertentangan dengan kepentingan terbaik Syarikat.

Perdagangan Sekuriti Syarikat

Perdagangan Orang Dalam

Anda dilarang daripada membeli atau menjual saham Syarikat, secara langsung atau tidak langsung, atau memberitahu, memberikan maklumat berguna atau menggalakkan orang lain untuk membeli atau menjual saham Syarikat, semasa memiliki maklumat bukan awam yang penting. Di samping itu, anda tidak boleh membincangkan sebarang maklumat bukan awam yang penting dengan orang yang bukan warga H.B. Fuller, termasuklah ahli keluarga, kawan dan rakan sekerja anda.

Larangan yang sama ini juga sah untuk saham syarikat lain. Jika anda memperoleh maklumat bukan awam yang penting tentang pembekal, pelanggan, pesaing atau syarikat lain melalui kerja anda di Syarikat ini, anda dilarang daripada membeli atau menjual saham syarikat tersebut sehinggalah maklumat itu diketahui umum. Anda dilarang daripada memberikan maklumat berguna atau menggalakkan orang lain membeli atau menjual saham dalam syarikat tersebut semasa memiliki maklumat bukan awam yang penting.

Peluang Masa Perdagangan

Pegawai eksekutif, pengarah dan pekerja yang dilantik oleh Ketua Peguam Syarikat (dan ahli keluarga terdekat masing-masing), dilarang daripada membeli atau menjual saham Syarikat kecuali dalam tempoh perdagangan terbuka yang ditetapkan. Individu tersebut hendaklah memaklumkan Ketua Peguam sebelum membuat sebarang urusan niaga dalam saham H.B. Fuller.

[ruj. Dasar Teras: Perdagangan Sekuriti Syarikat]

Hak Cipta dan Perisian

Menjadi dasar Syarikat untuk mematuhi sepenuhnya undang-undang pelesenan hak cipta yang berkenaan. Berhubung dengan penggunaan perisian untuk rangkaian kawasan setempat atau mesin berbilang, anda mesti menggunakan perisian tersebut hanya selaras dengan perjanjian lesen. Sebarang penyalahgunaan perisian atau maklumat yang berkenaan hendaklah dilaporkan kepada pengurus jabatan anda.

[ruj. Dasar Teras: Perlindungan Perisian/Pelanggaran Hak Cipta]

Q Saya dengar Syarikat telah menghasilkan produk baharu yang boleh jadi sangat penting kepada Syarikat dan saya tidak pasti sama ada pengumuman telah dibuat kepada orang awam. Bolehkah saya mengesyorkan kepada bapa saudara saya untuk melabur dalam saham Syarikat jika saya tidak memberitahu sebabnya kepada beliau?

A Anda patut mendapatkan maklumat sama ada pengumuman telah dibuat kepada orang awam. Anda boleh berbuat demikian dengan menghubungi pihak Perhubungan Pelabur atau Jabatan Undang-undang. Jika tiada pengumuman telah dibuat kepada umum, anda tidak boleh menggalakkan SESIAPA PUN untuk melabur dalam saham Syarikat sehinggalah pengumuman telah dibuat kepada orang ramai. Jika anda tidak pasti, anda masih tidak boleh menggalakkan sesiapa pun untuk membeli saham. Jika pengumuman telah dibuat kepada umum dan anda tidak lagi memiliki sebarang maklumat bukan awam yang penting, barulah anda boleh bercakap dengan bapa saudara anda.

Q Adakah sebarang kesalahan jika saya menyalin program pemprosesan kata dan memasangnya di PC saya di tempat kerja?

A Hanya program yang diluluskan oleh Syarikat boleh dipasang di PC anda. Kebanyakan program perisian mempunyai perlindungan hak cipta yang melarang penyalinan. Sebelum memasang sebarang perisian, anda perlu menghubungi penyelia atau Pentadbir PC anda dan berbincang sama ada sesuai untuk menyalin perisian tersebut.

Pematuhan H.B. Fuller kepada Undang-Undang dan Peraturan

Menjadi dasar kita untuk mematuhi peraturan yang tersurat dan tersirat dalam semua undang-undang yang mengawal operasi kita di seluruh dunia dan menjalankan urusan kita menggunakan piawai etika dan undang-undang yang paling tinggi.

Undang-undang Antitrust

Undang-undang antitrust wajar diberikan perhatian khusus. Undang-undang ini adalah rumit, dan pelanggaran boleh menyebabkan pemberian award yang banyak sebagai ganti rugi, hukuman yang cukup berat dan dakwaan jenayah kepada individu serta Syarikat. Undang-undang antitrust memainkan peranan penting dalam mengekalkan persaingan yang sihat di kalangan syarikat perniagaan. Kita mematuhi sepenuhnya undang-undang antitrust.

Undang-undang antitrust negeri dan persekutuan di A.S., serta undang-undang persaingan yang serupa di negara-negara lain, seperti yang dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Eropah, umumnya melarang sebarang perjanjian atau persefahaman (formal atau tidak formal) yang berkomplot untuk mengawal:

- persaingan antara pelbagai pihak (pelanggan, pembekal atau antara A.S. dengan negara asing),
- harga,
- terma dan syarat penjualan,
- penghasilan,
- pengedaran, atau
- peruntukan kawasan.

Sekiranya ada kemusykilan tentang pematuhan kepada undang-undang antitrust, anda hendaklah mendapatkan nasihat pihak Jabatan Undang-undang.

[ruj. Dasar Teras: Antitrust]

Q *Apakah yang patut saya lakukan sekiranya, selepas mengumumkan kenaikan harga kepada pelanggan, saya menerima panggilan daripada seorang pesaing yang ingin mengesahkan kenaikan harga tersebut?*

A Beritahu pesaing tersebut bahawa perbincangan tentang harga adalah bertentangan dengan dasar Syarikat. Anda tidak sepatutnya mengesahkan atau menafikan berita kenaikan itu, atau dengan cara lain membincangkan kenaikan tersebut. Anda hendaklah membuat notasi tentang perbualan tersebut dan menghantar satu salinan kepada Jabatan Undang-undang.

Q *Bolehkah saya menggunakan senarai harga pesaing yang dihantar kepada saya oleh salah seorang pengedar kita?*

A Tiada salahnya menerima senarai harga daripada pelanggan. Menyedari dan peka dengan persaingan dalam pasaran merupakan satu amalan perniagaan yang baik. Bagaimanapun, elok juga jika tarikh penerimaan dan nama penghantar dicatatkan pada senarai itu bagi mengelakkan sebarang kekeliruan kelak. Jika anda menerima senarai harga secara langsung daripada pesaing, pulangkannya semula bersama surat yang menyatakan bahawa penerimaan senarai harga daripada pesaing adalah bertentangan dengan dasar Syarikat. Anda hendaklah menghantar salinan surat tersebut kepada Jabatan Undang-undang, dan jangan menyalin senarai harga tersebut untuk simpanan anda.

Q *Saya menerima panggilan daripada bekas pekerja Syarikat yang sejak beberapa tahun lepas bekerja untuk syarikat pesaing. Dia telah mengajak saya makan tengah hari untuk berbual tentang kisah lama di H.B. Fuller. Apakah topik-topik yang patut saya elakkan daripada berbincang dengannya?*

A Tentu sahaja tiada salahnya berjumpa bekas pekerja dan bercerita tentang kisah lalu. Bagaimanapun, pastikan anda mengelak daripada membincangkan harga produk atau bertukar-tukar sebarang maklumat tentang harga, maklumat persaingan atau maklumat sulit lain.

Amalan Rasuah

Anda dan wakil Syarikat tidak boleh memberikan sebarang hadiah atau bayaran yang tidak wajar kepada pegawai kerajaan, ahli politik atau parti politik negara asing. Di samping itu, pembayaran kepada pihak ketiga yang diketahui akan membuat bayaran tidak wajar seperti itu juga dilarang.

Di sesetengah negara, pegawai kerajaan taraf rendah mungkin menuntut bayaran untuk memudahkan tindakan kerajaan yang rutin seperti mempercepat penghantaran melalui kastam, mengeluarkan permit, dan menyediakan perlindungan polis yang mencukupi. Bayaran jenis ini, kadang-kadang disebut sebagai "bayaran pemudahan", kini dilarang. Begitu juga, bayaran yang dibuat kepada mana-mana pegawai kerajaan atau pekerja asing untuk menggalakkan pembelian produk H.B. Fuller benar-benar dilarang. Di samping itu, bayaran pemudahan tidak boleh dibuat kepada mana-mana pegawai kerajaan A.S. atau pekerja sama ada di dalam atau di luar A.S. dalam apa jua keadaan.

Akta Amalan Rasuah Asing A.S. juga memerlukan Syarikat memastikan buku dan rekod kewangannya tepat dan lengkap. Syarikat tidak boleh: menubuhkan sebarang dana atau aset yang tidak didedahkan atau direkodkan; membuat sebarang masukan yang tidak benar atau palsu dalam buku atau rekod Syarikat; atau gagal untuk menyimpan buku, rekod dan akaun dengan butiran sewajarnya bagi menggambarkan pengendalian wang dan aset lain yang tepat. [*ruj. Dasar Teras: Amalan Rasuah; Hadiah dan Hiburan; Rekod Perniagaan dan Komunikasi yang Lengkap dan Tepat*]

Q *Saya bekerja di luar A.S. Di negara saya, sudah menjadi kebiasaan untuk memberikan bayaran kepada pegawai kerajaan bagi "memastikan urusan berjalan lancar".*

A Hanya kerana pemberian bayaran kepada pegawai kerajaan bagi menjamin pelaksanaan tindakan pentadbiran yang rutin merupakan "amalan biasa dalam perniagaan", itu tidak bermakna bahawa ia sah di sisi undang-undang atau dibenarkan oleh Syarikat. Dasar ini melarang pembayaran sedemikian.

Q Beberapa pekerja Syarikat sedang membantu untuk merancang, dan juga akan menghadiri, sesi latihan industri. Kami ingin menjemput seorang pegawai kerajaan untuk menghadiri sesi tersebut. Bolehkah kami membayar kos perjalanan dan penginapan pegawai kerajaan tersebut pada sesi latihan ini?

A Tidak. Merujuk kepada pegawai kerajaan A.S., anda tidak boleh membayar belanja perjalanan dan penginapan tersebut, kecuali dalam keadaan yang luar biasa. Anda hendaklah mendapatkan nasihat daripada pihak Pengurusan dan/atau Jabatan Undang-undang.

Perdagangan Antarabangsa:

Kawalan Eksport, Embargo dan Pemulauan Antarabangsa

Umumnya, apa sahaja yang dihantar oleh Syarikat ke luar Amerika Syarikat memerlukan sesuatu lesen eksport. Dalam kebanyakan kes, produk Syarikat dihantar menggunakan lesen umum. Dalam kes-kes yang lain, anda perlu memohon lesen eksport tertentu daripada pihak Kerajaan A.S. Jika anda terlibat dalam proses pengeksportan, anda hendaklah menentukan lesen yang diperlukan untuk setiap penghantaran.

Sekatan kawalan eksport yang serupa diguna pakai di banyak negara. Anda mesti mematuhi undang-undang kawalan eksport A.S. dan juga undang-undang kawalan eksport dalam bidang kuasa lain, jika berkenaan, untuk urus niaga tertentu.

Kadang-kadang Kerajaan A.S. dan kerajaan negara lain akan mengenakan embargo perdagangan secara sebahagian atau menyeluruh terhadap sesebuah negara. Perintah embargo melarang kegiatan eksport dan import dari negara yang dikenakan embargo, dan boleh juga melibatkan "pembekuan" akaun bank di A.S. yang dimiliki oleh rakyat dari negara yang dikenakan embargo.

Dalam sesetengah situasi, Kerajaan A.S. menyokong embargo yang dikenakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dalam situasi yang lain, A.S. mungkin memilih untuk mengenakan embargo perdagangan unilateral kepada negara tertentu, walaupun tiada sokongan untuk embargo daripada negara atau syarikat lain. Sama ada embargo tertentu akan dikenakan kepada unit perniagaan Syarikat yang berpusat di A.S. atau meliputi juga unit perniagaan di luar A.S. adalah bergantung kepada kehendak undang-undang setiap embargo.

Di bawah undang-undang dan peraturan antiboikot A.S., baik Syarikat mahupun mana-mana anak syarikat, cawangan atau pejabat, tidak boleh melakukan apa sahaja yang menyetujui atau memperteguh pemulauan yang tidak disokong oleh Kerajaan A.S. Syarikat menerima kesan akibat pemulauan sekunder terhadap Israel yang dikenakan oleh negara anggota tertentu dalam Liga Arab dan oleh negara Islam yang lain. Anda tidak boleh mengambil bahagian dalam pemulauan ini, atau memberikan sebarang maklumat yang boleh membantu pemulauan ini. Jika anda menerima undangan untuk menyertai pemulauan, anda hendaklah melaporkan undangan tersebut kepada Jabatan Perdagangan A.S. Jika ada sebarang pertanyaan atau kebimbangan, hubungi Jabatan Undang-undang.

[ruj. Dasar Teras: *Kawalan Eksport, Undang-undang dan Peraturan Antiboikot A.S.*]

Q *Saya seorang wakil jualan di Eropah. Pelanggan saya di Eropah ingin membeli produk yang berasal dari A.S. yang disimpan di kemudahan kita di Eropah untuk dijual semula ke negara Asia. Apakah yang patut saya lakukan?*

A Di bawah undang-undang kawalan eksport A.S. dan juga undang-undang tempatan yang sama di Eropah, anda perlu menentukan (1) sama ada produk itu ialah barangan terkawal, (2) sama ada negara destinasi pengguna akhir ialah negara terlarang, (3) sama ada pengguna akhir telah dilarang daripada menerima barangan tersebut, dan (4) sama ada penggunaan akhir yang dicadangkan untuk produk itu adalah untuk sebarang tujuan ketenteraan (cth. untuk penghasilan atau pembuatan senjata seperti bom, misil, atau senjata kimia atau biologi). Hubungi Jabatan Undang-undang untuk bantuan.

Q *Salah seorang pelanggan saya di Amerika Selatan membuat pesanan untuk membeli produk H.B. Fuller yang berasal dari A.S. bagi penghantaran semula ke destinasi lain. Kelihatannya destinasi tersebut ialah negara yang dikenakan embargo Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang disokong oleh A.S. Apakah respons yang patut saya berikan?*

A Sebaik sahaja disahkan bahawa destinasi akhir penjualan tersebut adalah ke negara yang dikenakan embargo, anda tidak sepatutnya membuat sebarang komen lain secara lisan atau bertulis kepada syarikat di Amerika Selatan, sebaliknya merujuk pesanan tersebut bersama semua butiran yang berkenaan kepada Jabatan Undang-undang dengan segera.

Q *Saya telah ditanya oleh bakal pelanggan di Timur Tengah jika H.B. Fuller menjalankan perniagaan di Israel atau jika ada mana-mana wakil jualan warganegara Israel. Bagaimanakah saya patut menjawabnya?*

A Anda tidak sepatutnya memberikan jawapan secara lisan atau bertulis kepada bakal pelanggan tersebut, sebaliknya hendaklah merujuk pertanyaan itu bersama semua butiran yang berkenaan kepada Jabatan Undang-undang dengan segera. Peraturan antiboikot adalah rumit, dan sebarang jawapan

memerlukan nasihat undang-undang yang khusus. Jika pertanyaan itu bertentangan dengan peraturan tersebut, Syarikat juga perlu melaporkan pertanyaan itu kepada Kerajaan A.S. Penjualan yang dicadangkan ke negara yang dikenakan embargo perlu diteliti oleh Jabatan Undang-undang.